

17 OCT 2001

Parlimen-Bahas

DR MAHATHIR DIMINTA LUCUTKAN MENTERI TAK JALANKAN TUGAS

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan hari ini dengan tegas meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan jawatan mana-mana menteri yang tidak menjalankan tugas seperti yang dipertanggungjawabkan.

Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001)(No.2) 2001 di Dewan Rakyat, berkata saranan itu dibuat secara ikhlas dengan tujuan "membetulkan apa yang tidak betul".

"Kita di peringkat akar umbi banyak menerima laporan adanya golongan ini yang janji sana dan janji sini tetapi tidak melaksanakannya," katanya.

Ketika itu, Datuk Mohamad Haji Aziz (BN-Sri Gading) bangun menyokong saranan Bung Mokhtar itu sambil menyatakan memang ada menteri yang tidak menjalankan tugas mereka walaupun ada juga yang berdedikasi.

"Kadang-kadang muka mereka (menteri) pun tak nampak dalam Parlimen. Kalau ada reshuffle (rombakan kabinet), tukar sahaja orang-orang ni. Yang layak masih ramai," kata Mohamad.

Kenyataan Bung Mokhtar dan Mohamad itu menyebabkan beberapa orang pembangkang cuba mencelah.

Namun, Bung Mokhtar tidak memberi peluang sambil berkata: "Ini menunjukkan keikhlasan kita di dalam Parlimen. Kalau tidak betul, kita perbetulkan."

Beliau berkata ada juga di kalangan pegawai kerajaan yang berkuasa sehingga menidakkan arahan yang dikeluarkan oleh menteri atau pegawai atasannya.

"Kalau ada (orang seperti ini), kita lapor dan buang mereka. Mereka ini diibaratkan seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit.

"Saya mohon Perdana Menteri mengkaji semula struktur pentadbiran kerajaan dari A sampai Z. Periksa betul-betul mana-mana pak menteri atau ketua jabatan yang ingkar arahan hingga menyebabkan terbengkalai projek yang harus dilaksanakan," katanya.

Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang) pula berharap pegawai-pegawai kerajaan lebih efisien dalam mengendalikan projek-projek yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

"Kalau lihat ada antara prosedur pelaksanaan projek itu boleh melambatkan perjalanan projek, gantikan sahaja prosedur itu kepada yang lebih baik," katanya.

Yusof juga berkata beliau mendapati perbahasan rang undang-undang itu yang sejak dibentangkan semalam menimbulkan banyak perbalahan apabila pembahas-pembahas di kalangan penyokong kerajaan dan pembangkang terutama Pas bercakap mengenai isu Amerika-Afghanistan.

"Sepatutnya, sebagai orang Islam, kita tanpa mengira parti harus duduk semeja dan berkongsi pendapat serta mengemukakan cadangan terbaik bagi menyelamatkan rakyat Islam Afghanistan yang tidak berdosa.

"Berdemonstrasi tidak ada gunanya," kata wakil itu sambil merujuk kepada tindakan Pas untuk berdemonstrasi dan cuba bersembahyang hajat di hadapan pejabat Kedutaan Amerika Syarikat di Jalan Tun Razak di Jumaat lepas, sebagai sia-sia.

Husam Musa (Pas-Kubang Kerian) ketika membahaskan rang undang-undang itu, mengambil kesempatan mempertahankan tindakan parti itu sambil menjelaskan bahawa mereka pergi ke kedutaan itu untuk menyerahkan memorandum membantah tindakan Amerika Syarikat mengebom Afghanistan.

Namun, katanya, belumpun sempat Presiden Pas Datuk Haji Fadzil Nor menyerahkan memorandum itu, polis telah menembak gas pemedih mata.

Ronald Kiandee (BN-Beluran) pula mencadangkan kerajaan mengkaji semula semua akta berkaitan pilihan raya untuk disesuaikan dengan keadaan semasa.

"Antara perkara yang perlu dilihat ialah proses kempen dan pengundi hantu," katanya.

-- BERNAMA

NZ NZ MAI